

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat di sini. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

Insurans Kemalangan Diri Pemandu & Penumpang Bonus – Pelan

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah tentang produk ini?

Polisi ini memberi pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kejadian tidak disengajakan, luar jangkaan dan secara kebetulan kepada pemandu dan penumpang kenderaan yang dinamakan didalam polisi.

2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Sekiranya pemandu dan/atau penumpang mengalami kecederaan anggota badan atau kehilangan nyawa semasa berada dalam atau keluar dari kenderaan persendirian, mereka akan berhak kepada manfaat berikut: kematian, hilang upaya kekal atau hilang penglihatan, pembayaran balik belanja perubatan atau elaun tunai hospital.

Seksyen	Manfaat	Pelan A	Pelan B	Pelan C
A	Kematian	RM 25,000	RM 35,000	RM 50,000
	Hilang kedua-dua tangan atau kaki	RM 25,000	RM 35,000	RM 50,000
	Hilang penglihatan pada kedua-dua mata	RM 25,000	RM 35,000	RM 50,000
	Hilang satu mata dan satu tangan atau satu kaki	RM 25,000	RM 35,000	RM 50,000
	Hilang penglihatan pada satu mata	RM 12,500	RM 17,500	RM 25,000
	Hilang satu tangan atau satu kaki	RM 12,500	RM 17,500	RM 25,000
B	Pembayaran Balik Belanja Perubatan	RM 1,200	RM 1,700	RM 2,500
C	Penghospitalkan		RM 100 seminggu	

Nota: Sila rujuk kepada skala manfaat bagi kematian dan hilang upaya di dalam sampel polisi/kontrak polisi. Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

3. Berapa premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada pelan yang dipilih, kapasiti tempat duduk kenderaan dan manfaat pampasan seperti keperluan pengunderaitan The Pacific Insurance Berhad. Anda hanya perlu membayar:

Kapasiti Tempat Duduk (termasuk pemandu)	Jadual Premium Tahunan tidak termasuk Cukai Perkhidmatan yang berkenaan (Ringgit Malaysia)		
	Pelan A	Pelan B	Pelan C
4	100.00	130.00	180.00
5	120.00	160.00	230.00
6	140.00	190.00	270.00
Setiap tambahan tempat duduk	16.00	22.00	30.00

4. Selain daripada premium dan Cukai Perkhidmatan yang berkenaan, apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

Komisen yang dibayar kepada agen insurans	10% daripada Premium Kasar*
Duti Setem	RM10.00

5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang kenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan

mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Anda perlu memberitahu semua fakta penting seperti pekerjaan anda, perjalanan yang dicadangkan dan tugas anda yang mungkin akan memberi kesan profil risiko dan bilangan polisi kemalangan diri yang anda telah beli dari syarikat insurans lain.

6. Adakah polisi ini tertakluk kepada Warranti Tunai Sebelum Perlindungan?

Ya, ia adalah syarat kontrak insurans bahawa premium penuh perlu di jelaskan dan di terima pihak insurans sebelum perlindungan berkuatkuasa.

7. Apakah pengecualian penting dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kecederaan anggota atau kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung sepenuhnya atau sebahagian oleh jangkitan bakterial, apa-apa penyakit lain, rawatan perubatan atau pembedahan, melahirkan anak atau keguguran, semasa pemandu dibawah pengaruh alkohol atau dadah, semasa kenderaan digunakan untuk pekerjaan menyalahi undang-undang sebagai pengangkutan awam yang tidak berlesen, sebarang kecederaan anggota badan yang akan menyebabkan hernia, bunuh diri atau cubaan terhadapnya (semasa sedar atau tidak sedar), risiko perang, kerugian semasa kenderaan digunakan untuk sewa, perlumbaan, perlumbaan jalanraya, mengkadar kelajuan, ujian kelajuan atau digunakan untuk tujuan yang berkenaan dengan pemiagaan motor, pemandu tersebut, jika tidak memegang lesen memandu yang sah dan orang yang dibawah umur 3 tahun dan lebih dari 70 tahun.

8. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad. Selepas pembatalan, The Pacific Insurance Berhad akan menahan premium jangka pendek yang biasa bagi tempoh polisi berkuat kuasa.

9. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam alamat atau butiran peribadi saya?

Adalah penting bahawa anda memberitahu kami tentang segala perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat anda tiba pada waktu yang tepat.

10. Bagaimana saya membuat tuntutan?

Selepas berlaku sebarang kemalangan yang mungkin akan menimbulkan tuntutan untuk kecederaan anggota badan dibawah polisi ini, notis bertulis hendaklah diberi kepada The Pacific Insurance Berhad atau agen insurans dalam masa tiga puluh (30) hari selepas kejadian kemalangan tersebut.

11. Apakah jenis perlindungan Insurans Kemalangan Diri lain yang terdapat di The Pacific Insurance Berhad?

Lain-lain jenis insurans kemalangan diri yang serupa termasuk:

- Insurans Kemalangan Diri Pemandu dan Penumpang
- Insurans Kemalangan Diri Auto Guard

12. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila hubungi:-

The Pacific Insurance Berhad,
40.01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-26338999 Fax: 03-26338998 Talian Bebas Tol: 1800 88 1629
Email: customerservice@pacificinsurance.com.my
Laman Sesawang: www.pacificinsurance.com.my

13. Pengakuan

Saya/Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.:

.....
Tandatangan

NOTA:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA SKALA PAMPASAN BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MELANTIK NOMINI DAN PASTIKAN NOMINI ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERUNDING DENGAN AGEN INSURANS ATAU HUBUNGI THE PACIFIC INSURANCE BERHAD TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam risalah pemberitahuan ini sah pada **1 Mac 2024**.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.